

19/07/2004

PM bawa isu Iraq ke Rumah Putih

By Manja Ismail

WASHINGTON DC: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijangka menyatakan pandangan Malaysia dan dunia Islam mengenai masa depan Iraq kepada Presiden George W Bush dalam pertemuan mereka di Rumah Putih, hari ini.

Lawatan rasmi tiga hari Perdana Menteri ke sini, kunjungan rasmi terakhir pemimpin kerajaan asing ke Rumah Putih sehingga pilihan raya presiden berakhir November depan, juga dijangka meningkatkan hubungan Malaysia dan Amerika Syarikat (AS), yang agak dingin berikutan penaklukan Iraq.

Abdullah, yang juga Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) dijangka menimbulkan rasa kurang senang Malaysia serta dunia Islam terhadap langkah AS dan sekutunya yang menggunakan tindakan ketenteraan untuk menyelesaikan masalah di Iraq sekarang.

Kuala Lumpur sebelum ini pernah menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyertai program pembinaan semula Iraq jika ia dilaksanakan di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sehubungan itu, dalam pertemuannya dengan Bush, Abdullah dijangka mengesyorkan supaya Washington memberi lebih banyak ruang kepada PBB untuk membantu kerajaan sementara Iraq membangunkan semula negara itu, supaya lebih banyak negara Islam sedia menyertainya.

Sementara itu, pegawai AS pula menyifatkan lawatan rasmi pertama Abdullah sejak dilantik sebagai Perdana Menteri pada Oktober tahun lalu, memberi peluang kepada Washington untuk mengenali gaya kepimpinan baru Malaysia dengan lebih dekat.

Dalam beberapa pertemuan yang diatur sempena lawatan ini, AS dijangka menimbulkan lagi hasratnya untuk menjual jet pejuang F18 Hornet kepada Malaysia seperti pernah dinyatakan ketika lawatan rasmi Tun Dr Mahathir Mohamad ke sini pada Mei 2002.

Malaysia sehingga kini belum menyatakan sebarang keputusan kerana pada masa sama, turut menilai jet pejuang Russia, Sukhoi 32.

Selain itu, mereka berkata, Washington dijangka meminta Malaysia sebagai salah sebuah negara yang menandatangani Perjanjian Pencegahan Penulatan Senjata Nuklear (NPT), mengesahkan protokol tambahan perjanjian itu berhubung eksport perkakasan seperti centrifuges.

"Walaupun Malaysia tidak mengeksport bahan seperti itu, sebagai negara yang dihormati Dunia Ketiga, kesediaan Kuala Lumpur mengesahkan protokol tambahan itu boleh mendorong lebih banyak negara berbuat demikian," kata mereka.

Selain menemui Bush, Perdana Menteri mempunyai atur cara ketat sepanjang hari ini termasuk dikunjungi oleh beberapa pegawai kanan AS bagi berbincang hubungan dua hala, terutama perdagangan.

Antara yang dijadualkan mengunjungi Perdana Menteri di hotel kediamannya, Willarh Intercontinental ialah Setiausaha Negara AS, Colin Powell dan Wakil Perdagangan AS, Robert Zoellick.

Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan dua ahli Kongres AS yang juga Pengerusi Bersama Malaysia Caucus, Gregory Meeks dan Pete Sessions, selain ditemuramah secara langsung oleh Jim Clancy untuk program CNN Your World Today.

Abdullah juga akan mengadakan dialog tertutup dengan ahli perniagaan AS yang diikuti dengan jamuan malam sempena lawatannya anjuran Majlis Perniagaan AS-Asean.

Perdana Menteri akan diperkenalkan oleh Presiden majlis itu, Datuk Ernie Bower.

Malaysia kini adalah rakan perdagangan terbesar AS di kalangan negara Asean, mengatasi Singapura.

Mengikut kajian Perangkaan Perdagangan Luar Malaysia, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti), nilai eksport Malaysia ke AS Mei lalu meningkat sebanyak 17.6 peratus kepada RM7.72 bilion manakala nilai import RM5.8 bilion.

Pada 2002, nilai dagangan antara Malaysia dan AS berjumlah RM121.2 bilion, dengan eksport berjumlah RM71.5 bilion (20.2 peratus) dan import RM49.7 bilion (16.4 peratus).

Sementara itu, nilai eksport AS ke Malaysia yang hanya berjumlah RM91.2 bilion dan importnya bernilai RM39.14 bilion pada 2002.

Hubungan dagang Malaysia dan AS tidak terhad kepada import dan eksport, tetapi turut membabitkan pelaburan langsung asing (FDI) dengan pelabur AS adalah antara pelabur paling aktif di negara ini.

Sepanjang Januari hingga September 2003, pelabur AS adalah pelabur terbesar di negara ini menerusi pelaburan sebanyak RM2.4 bilion membabitkan projek baru dan pengembangan projek sedia ada.

(END)